



AmAssurance

INSURANS MOTOR



Polisi Kenderaan Perdagangan

AmGeneral Insurance Berhad (44191-P)

Ahli Kumpulan AmBank

Menara Shell, No. 211, Jalan Tun Sambanthan, 50470, Kuala Lumpur, Malaysia.

Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)



1-300-80-3030



customer@amassurance.com.my



www.amassurance.com.my

Kandungan:

1	Seksyen A: Kerugian atau Kerosakan pada Kenderaan Anda	1
2	Seksyen B: Liabiliti terhadap Pihak Ketiga	3
3	Diskaun Tanpa Tuntutan	4
4	Pengelakan Sesetengah Terma dan Hak Tuntut Balik	4
5	Pengecualian Am (Ini Diguna Pakai bagi Keseluruhan Polisi)	4
6	Syarat (Diterima Pakai untuk Keseluruhan Polisi)	5
	• Kewajipan Pendedahan	5
	• Kemalangan dan Prosedur Tuntutan	5
	• Pembatalan	6
	• Insurans Lain	7
	• Subrogasi	7
	• Fasal Timbang Tara	7
	• Hal Lain	7
7	Definisi	7
8	Endorsmen	8
9	Nota Penting	14

Kenyataan Penting: SEMUA KEMALANGAN MESTILAH DILAPORKAN KEPADA PIHAK POLIS DALAM MASA 24 JAM

Perjanjian Kita

Kontrak Insurans Komersial (Insurans bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion)

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran daripada premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak Anda pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan pihak Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

1

Seksyen A: Kerugian atau Kerosakan pada Kenderaan Anda

1. Kami akan melindungi Anda sekiranya Kenderaan Anda rosak atau hilang dalam keadaan berikut:

- (a) berlanggar atau terbalik akibat kemalangan,
- (b) berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal,
- (c) berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh,
- (d) rosak akibat dihempap oleh objek jatuh, dengan syarat tidak bersabit dengan banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semula jadi yang lain,
- (e) kebakaran, letupan atau kilat,
- (f) pecah masuk, pecah rumah atau kecurian,
- (g) perbuatan niat jahat,
- (h) semasa dalam transit (termasuk semasa punggah memunggah) melalui:
 - (i) jalan raya rel laluan air pedalaman
 - (ii) laluan laut terus merentasi selat antara Pulau Pinang dengan Semenanjung.

2. Asas Penyelesaian

- (a) Kami akan, mengikut pilihan Kami
 - (i) membayar kos memperbaiki Kenderaan Anda, atau
 - (ii) membayar secara tunai, amaun kerugian atau kerosakan Kenderaan Anda, atau
 - (iii) membaik pulih atau mengganti Kenderaan Anda.
- (b) Jumlah maksimum yang akan Kami bayar ialah nilai pasaran Kenderaan Anda pada masa kerugian, atau jumlah diinsuranskan dalam Polisi, mengikut yang mana lebih rendah.
- (c) Sekiranya Kenderaan Anda pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan, diinsuranskan pada jumlah kurang daripada nilai pasarannya, maka Anda hendaklah dianggap sebagai penanggung insurans sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian itu. Dengan syarat, ianya tidak akan diterima pakai melainkan nilai pasaran pada masa berlakunya kerugian melebihi jumlah yang diinsuranskan sebanyak 10% atau lebih.
- (d) Nilai pasaran Kenderaan Anda akan ditentukan, sekiranya berlaku pertikaian, oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais, dan nilai ini hendaklah sama dengan kos pembelian kenderaan gantian dengan buatan, model dan usia yang sama dengan Kenderaan Anda pada masa kerugian.
- (e) Sekiranya tidak ada Pemegang Francais untuk buatan Kenderaan Anda, maka nilai pasaran kenderaan akan ditentukan oleh Pelaras Kerugian yang berdaftar dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan perundangan berikutnya yang dipersetujui bersama oleh Anda dan Kami.

- (f) Penilaian yang dibuat oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais yang berkenaan atau Pelaras Kerugian yang berdaftar dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan perundangan berikutnya akan menjadi bukti muktamad berhubung dengan nilai pasaran Kenderaan Anda untuk sebarang prosiding undang-undang terhadap Kami.
- (g) Jumlah maksimum yang akan Kami bayar bagi kos pembaikan terhadap Kenderaan Anda adalah perbelanjaan yang perlu ditanggung bagi memulihkan kerosakan Kenderaan Anda kepada keadaan sebelum kemalangan (atau kepada keadaan yang sehampir mungkin yang munasabah seperti sebelum kemalangan). Sekiranya alat francais baru digunakan, Anda akan menanggung bahagian “betterment” atas penggantian alat francais mengikut skala berikut:

Umur Kenderaan / Tahun	Kadar untuk “Betterment” (Tidak melebihi % berikut)
Kurang dari 5 tahun	0
5	15
6	20
7	25
8	30
9	35
10 dan ke atas	40

Asas berikut hendaklah digunakan dalam menentukan umur kenderaan:

	Umur kenderaan berdasarkan pada:
Kenderaan Baru	Tarikh Pendaftaran
Kenderaan Tempatan Terpakai / Telah Digunakan	Tarikh Pendaftaran Asal
Kenderaan Import Terpakai / Telah Digunakan	Tahun Buatan
Kenderaan Import “Reconditioned”	Tahun Buatan

Pengenaaan “betterment” adalah atas budi bicara Kami. Skala “betterment” merupakan kadar maksimum “betterment” yang boleh diguna pakai.

3. Pengangkutan Kenderaan yang Rosak

Kami akan membayar Anda sehingga maksimum RM200 sebagai Upah Tunda untuk membawa Kenderaan Anda, sama ada ke Bengkel Membaiki Kereta yang terdekat, atau menunda kenderaan untuk dihantar pulang ke alamat Anda seperti dinyatakan di dalam Jadual, atau menunda ke tempat selamat untuk disimpan, dengan syarat kerosakan Kenderaan Anda diakibatkan oleh keadaan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen ini.

4. Pengecualian kepada Seksyen A

Kami TIDAK akan membayar bagi:

- segala kerugian turutan.
- kehilangan kegunaan Kenderaan Anda.
- susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kelesuan logam, kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, kegagalan atau pecahnya mana-mana bahagian Kenderaan Anda kecuali pecahnya cermin hadapan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung termasuk filem salutan/mewarna, jika ada.
- kerosakan disebabkan oleh muatan yang berlebihan atau terlalu berat.
- kerosakan disebabkan oleh letupan apa-apa dandang yang menjadi sebahagian daripada atau dipasang pada atau atas Kenderaan Anda.
- kerosakan pada tayar Kenderaan Anda, kecuali Kenderaan Anda rosak pada masa yang sama.
- apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh, atau berpunca daripada perbuatan menipu / pecah amanah jenayah oleh seseorang mengikut makna definisi kesalahan menipu / pecah amanah jenayah seperti yang terdapat di dalam Kanun Keseksaan.
- lebih daripada yang dinyatakan di dalam Jadual.
- kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana peralatan atau program komputer untuk mengenal atau mentafsir dengan betul atau memproses mana-mana tarikh sebagai tarikh benar atau betul atau untuk terus berfungsi dengan betul selepas tarikh itu.

2 Seksyen B: Liabiliti terhadap Pihak Ketiga

1. Kami akan melindungi Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa untuk suatu amaun yang Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa perlu bayar mengikut undang-undang (termasuk kos dan perbelanjaan pihak yang menuntut) terhadap kemalangan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda atau berkaitan dengan punggah memunggal daripadanya bagi:

- (a) kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana orang kecuali yang dinyatakan secara khusus di bawah Pengecualian kepada Seksyen B.
- (b) kerosakan kepada harta akibat kemalangan yang berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda dengan syarat pemandu yang Anda beri kuasa juga mematuhi semua terma dan syarat polisi seperti yang dikenakan ke atas Anda.

2. Had Liabiliti Kami

Jumlah keseluruhan liabiliti Kami di bawah Seksyen B 1(a) adalah tidak terhad	berhubung dengan mana-mana tuntutan atau satu siri tuntutan yang timbul daripada satu peristiwa.
Jumlah keseluruhan liabiliti Kami di bawah Seksyen B 1(b) adalah terhad kepada RM3 juta	

3. Menunda Kenderaan yang Rosak

Kami akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ternyata di bawah Seksyen B 1(a) dan Seksyen B 1(b) jika Kenderaan Anda digunakan untuk menunda mana-mana Kenderaan Bermotor yang rosak.

Dengan syarat:

- (a) kenderaan yang ditunda bukan ditunda untuk ganjaran
- (b) Kami tidak bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan kepada kenderaan yang ditunda atau harta yang dibawanya.

4. Perlindungan untuk Wakil di sisi Undang-Undang

Berikutan kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah Polisi ini, Kami akan menanggung rugi wakil di sisi undang-undang orang tersebut untuk liabiliti yang dilindungi di bawah Seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat polisi.

5. Kos Undang-Undang

Kami akan membayar kos undang-undang tertanggung sehingga maksimum RM2,000 untuk membela mana-mana pertuduhan termasuk pertuduhan menyebabkan kematian dengan memandu Kenderaan Bermotor (selain daripada pembunuhan), sekiranya persetujuan bertulis Kami telah diperolehi terlebih dahulu.

Pengecualian kepada Seksyen B

Kami **TIDAK** akan membayar bagi:

- (a) kematian atau kecederaan anggota ke atas mana-mana orang atau kerosakan kepada harta disebabkan atau berpunca di luar had mana-mana laluan kenderaan atau jalan raya awam berkaitan dengan pemunggalan ke atas dan daripada Kenderaan Anda.
- (b) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan bekerja dengan Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa.
- (c) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang sedang dibawa di dalam atau sedang menaiki atau masuk atau turun dari Kenderaan Anda (kecuali dia dikehendaki dibawa di dalam atau di atas Kenderaan Anda dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan Anda dan/atau pemandu yang Anda beri kuasa dan/atau majikannya).
- (d) kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamankan kepada Anda dan/atau pemandu yang Anda beri kuasa dan/atau mana-mana ahli keluarga Anda dan/atau mana-mana ahli keluarga pemandu yang Anda beri kuasa.
- (e) kerosakan mana-mana jambatan, jambatan timbang atau jejambat atau jalan atau benda yang berada di bawahnya akibat getaran atau berat Kenderaan Anda atau muatan yang dibawa oleh Kenderaan Anda.
- (f) kerosakan harta yang disebabkan oleh atau berpunca daripada letupan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas Kenderaan Anda.
- (g) kematian atau kecederaan anggota disebabkan oleh atau berpunca daripada letupan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas Kenderaan Anda kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan.
- (h) apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam.
- (i) semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak bertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam.

Diskaun Tanpa Tuntutan

Jika tiada tuntutan dibuat atau timbul daripada polisi Anda dan dengan syarat Kenderaan Anda diinsuranskan dengan Kami untuk tempoh berterusan selama 12 bulan di dalam setiap keadaan di bawah ini, Anda layak mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan semasa memperbaharui Polisi Anda seperti berikut:

Tempoh Insurans	Diskaun
Selepas tahun pertama insurans	15%
Selepas tahun kedua insurans	20%
Selepas tahun ketiga atau lebih	25%

Jika Kami bersetuju memindahkan kepentingan dalam Polisi ini, tempoh kepentingan di atas nama Anda tidak akan terakru untuk manfaat pemilik baharu.

Jika lebih daripada satu Kenderaan Bermotor yang dinyatakan di dalam Jadual, Diskaun Tanpa Tuntutan hendaklah diguna pakai seolah-olah satu Polisi yang berasingan telah dikeluarkan berhubung dengan setiap Kenderaan Bermotor berkenaan.

Pengelakan Sesetengah Terma dan Hak Tuntut Balik

- Hak Anda atau hak mana-mana orang lain untuk memperolehi indemniti berdasarkan Perundangan atau Perjanjian yang dimeterai antara Menteri Pengangkutan bagi Pihak Kerajaan Malaysia dengan "Motor Insurers' Bureau of West Malaysia" pada 30 Mac, 1992, atau Perjanjian yang dimeterai antara Kerajaan Singapura dengan "Motor Insurers' Bureau of Singapore" pada 22 Februari 1975, tidak akan terjejas walau apa pun.
- Walau bagaimanapun, sekiranya Kami dikenakan apa-apa bayaran akibat Perundangan atau Perjanjian tersebut yang jika tidak kerananya Kami tidak ada liabiliti untuk membayar, Anda hendaklah membayar balik kepada Kami wang yang telah Kami bayar itu.
- Sekiranya tuntutan Kerosakan Sendiri telah dibayar dan tuntutan Kerosakan Harta Pihak Ketiga juga telah dibuat, Anda dikehendaki menyerahkan dan/atau memulangkan kepada Kami apa-apa jumlah yang telah dibayar kepada Anda, yang mana kegagalan untuk berbuat demikian Kami berhak mendapatkan kembali jumlah yang telah dibayar dan apa-apa akibat langsung kos, bayaran atau perbelanjaan tertanggung.

Pengecualian Am (Ini Diguna Pakai bagi Keseluruhan Polisi)

Kami TIDAK akan membayar apa-apa liabiliti dalam keadaan berikut:

- Jika Anda atau mana-mana orang yang Anda beri kebenaran tidak mempunyai lesen untuk memandu kenderaan tersebut kecuali sekiranya Anda atau mana-mana orang yang Anda beri kebenaran pernah memegang dan tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen untuk memandu kenderaan Anda dibawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang diperlukan.
- Jika Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa memandu Kenderaan Anda di bawah pengaruh minuman keras atau dadah sehingga tahap yang menyebabkan tidak dapat mengawal Kenderaan Anda.
- Apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh Kenderaan Anda yang digunakan untuk tujuan yang tidak sah di sisi undang-undang atau telah digunakan selain yang diperuntukkan di bawah Had Penggunaan oleh Anda atau oleh orang lain dengan persetujuan Anda.
 - Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau ditanggung semasa Kenderaan Anda, berhubung dengan indemniti yang diperuntukkan di bawah Polisi ini telah dipandu oleh mana-mana orang selain pemandu yang dibenarkan atau seseorang yang memandu dengan arahan Anda atau dengan kebenaran Anda.
- Jika apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh serangan, peperangan (sama ada peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), operasi seakan-akan peperangan, perbuatan musuh asing, permusuhan, peperangan sivil, perbuatan ganas, mogok, rusuhan, kekecohan awam, dahagi, pemberontakan, revolusi tentera atau rampasan kuasa sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh keadaan-keadaan yang tersebut di atas.

5. Jika kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah atau konvulsi semula jadi lain.
6. Jika kenderaan Anda digunakan untuk atau semasa diuji sebagai persediaan untuk mana-mana perlumbaan atau pertandingan (selain acara mencari harta karun). Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) ujian kebolehpercayaan, ujian mendaki bukit dan rali.
7. Jika berlaku apa-apa kemalangan atau kerosakan, Kenderaan Anda ditinggalkan tanpa dijaga dan tiada langkah sewajarnya diambil bagi menghalang kerugian atau kerosakan selanjutnya, dan jika Kenderaan Anda dipandu dalam keadaan ia tidak layak digunakan di jalan raya sebelum pembaikan yang perlu dibuat, apa-apa kerosakan tambahan atau kerosakan selanjutnya pada Kenderaan Anda akan dikecualikan daripada perlindungan Polisi ini.
8. Apa-apa kerosakan kerugian kemalangan atau liabiliti yang disebabkan dialami atau tertanggung di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Bagi liabiliti di Malaysia, pengehadan-pengehadan Akta diterima pakai.
9. Jika apa-apa liabiliti berbangkit daripada sesuatu perjanjian yang mana tanpa perjanjian tersebut Kami tidak ada liabiliti.
10. (a) Apa-apa kemalangan kerugian atau kerosakan pada mana-mana harta walau apa pun atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan walau apa pun akibat atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan.
(b) Apa-apa liabiliti walau apa pun sifatnya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
11. Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan dan senjata nuklear.

Jika terdapat undang-undang dinyatakan di dalam seksyen Polisi bertajuk 'Pengelakan Sesetengah Terma dan Hak Tuntut Balik' atau di dalam Jadual Polisi di bawah tajuk 'Perundangan', semua rujukan kepada Seksyen tertentu undang-undang sedemikian adalah dianggap terbatal supaya rujukan kepada undang-undang sedemikian akan diterima pakai pada setiap undang-undang keseluruhannya.

6

Syarat (Diterima Pakai untuk Keseluruhan Polisi)

1. Kewajipan Pendedahan

Kontrak Insurans Komersial

Apabila Anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka; jika tidak, ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Anda mestilah mematuhi dan memenuhi Terma, Syarat, Pengendorsan, Fasal atau Waranti Polisi.

2. Kemalangan dan Prosedur Tuntutan

- (a) Kami mestilah diberitahu secara bertulis atau melalui telefon dalam mana-mana kes dengan butiran kenderaan-kenderaan yang terlibat, tarikh kemalangan dan, jika mungkin, gambaran ringkas keadaan kemalangan tersebut dalam jangka waktu yang dicatatkan seperti berikut selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini.
 - a) Dalam tempoh tujuh (7) hari jika Anda dari segi fizikal berupaya atau tidak dimasukkan ke hospital berikutan kejadian itu.
 - b) Dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat yang praktikal jika Anda dari segi fizikal tidak berupaya dan dimasukkan ke hospital disebabkan kejadian itu.
 - c) Selain daripada a) dan b), tempoh pemberitahuan lebih panjang mungkin dibenarkan tertakluk kepada bukti khusus oleh Anda.

- (b) Sekiranya kenderaan Anda dilanggar oleh kenderaan Pihak Ketiga, Anda boleh merujuk tuntutan untuk kos pembaikan tersebut kepada Kami. Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda tidak akan terjejas sekiranya Kami memutuskan Anda tidak bersalah. Keputusan mengenai kesalahan tersebut adalah mengikut budi bicara Kami sepenuhnya. Dengan syarat kenderaan Pihak Ketiga itu berinsurans, boleh dikenal pasti dan/atau bukan kenderaan digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan sewaan atau ganjaran (misalnya teksi, kereta sewa, bas awam, bas berhenti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk sewaan), bukan kenderaan yang diinsuranskan oleh bukan Penanggung Insurans Malaysia dan tidak terlibat dengan tuntutan kecederaan peribadi.
- (c) Semua kemalangan mestilah dilaporkan kepada pihak Polis seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.
- (d) Setiap komunikasi, writ, saman dan/atau proses daripada pihak yang lain mestilah dihantar kepada Kami serta-merta. Anda juga mesti tanpa berlengah memberitahu Kami sekiranya Anda tahu apa-apa pendakwaan, inkuies atau siasatan maut yang mungkin berbangkit. Sekiranya terjadi kecurian atau perbuatan lain yang boleh membawa kepada tuntutan di bawah Polisi ini, Anda mestilah tanpa berlengah membuat laporan kepada Polis dan bekerjasama dengan Kami dalam memastikan sabitan pesalah.
- (e) Perundingan, Pengakuan, atau Penolakan apa-apa tuntutan tidak boleh dibuat tanpa persetujuan bertulis daripada Kami terlebih dahulu.
- (f) Kami mempunyai budi bicara sepenuhnya terhadap pengendalian, pembelaan dan/atau penyelesaian mana-mana tuntutan.
- (g) Pembaikan Kenderaan Anda tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran bertulis daripada Kami terlebih dahulu.
- (h) Sekiranya Kenderaan Anda terlibat dalam kemalangan dan membawa kepada tuntutan, Kenderaan Anda mesti dibawa ke Bengkel yang diluluskan oleh PIAM untuk diperbaiki. Kegagalan mengalih Kenderaan Anda ke Bengkel yang diluluskan oleh PIAM adalah pelanggaran terhadap syarat ini, dan Kami berhak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A Polisi ini.
- (i) Dalam mana-mana peristiwa yang membawa kepada tuntutan atau satu siri tuntutan di bawah Seksyen B 1(b) Polisi ini, Kami boleh membayar Anda amaun sepenuh liabiliti Kami mengikut Seksyen B 1(b) dan melepaskan pengendalian apa-apa pembelaan, penyelesaian atau prosiding, dan Kami tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dikatakan Anda alami akibat daripada mana-mana tindakan atau peninggalan yang dikatakan telah Kami lakukan berkaitan dengan pembelaan, penyelesaian atau prosiding tersebut atau kerana Kami telah melepaskan pengendalian berkenaan begitu juga Kami tidak akan menanggung apa-apa kos atau perbelanjaan yang Anda tanggung atau oleh mana-mana pihak yang menuntut atau sesiapa sahaja selepas Kami melepaskan pengendalian berkenaan.

3. Pembatalan

- (a) Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberitahu Kami secara bertulis.
- (b) Kami juga boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi Anda notis empat belas (14) hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat Anda yang terakhir.
- (c) Anda hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pembatalan di bawah perenggan (a) atau (b) di atas, menyerahkan sijil insurans asal kepada Kami atau menyediakan untuk Kami satu akuan berkanun jika sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda.
- (d) Sekiranya pembatalan diminta oleh Anda (asalkan tidak ada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans berkenaan), Anda adalah layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek biasa Kami dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuan berkanun sekiranya sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda seperti yang berikut:

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium (%)
Tidak melebihi 1 minggu	87.5 daripada premium tahunan
Tidak melebihi 1 bulan	75.0 daripada premium tahunan
Tidak melebihi 2 bulan	62.5 daripada premium tahunan
Tidak melebihi 3 bulan	50.0 daripada premium tahunan
Tidak melebihi 4 bulan	37.5 daripada premium tahunan
Tidak melebihi 6 bulan	25.0 daripada premium tahunan
Tidak melebihi 8 bulan	12.5 daripada premium tahunan
Melebihi 8 bulan	Tiada bayaran balik premium dibenarkan

- (e) Sekiranya pembatalan dibuat oleh Kami, Anda layak mendapat bayaran balik premium secara pro rata bagi tempoh yang belum tamat dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuan berkanun sekiranya sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda.
- (f) Tiada bayaran balik premium bagi sebarang pembatalan polisi sekiranya premium yang dikenakan adalah premium minimum.

4. Insurans Lain

Anda mestilah memberikan notis bertulis kepada Kami jika Anda mempunyai apa-apa insurans lain yang melindungi Kenderaan Anda. Jika pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah Polisi ini, terdapat sebarang polisi lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, Kami akan hanya membayar mengikut perkadaran setimpal bagi mana-mana kerugian, kerosakan, pampasan, kos atau perbelanjaan. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa dalam Syarat ini yang mengenakan Kami apa-apa liabiliti yang Kami tidak tertakluk kepada syarat tersebut.

5. Subrogasi

Sekiranya perlu, Kami berhak untuk mengambil alih atas perbelanjaan Kami sendiri terhadap pengendalian pembelaan atau penyelesaian mana-mana tuntutan atas nama Anda atau mendakwa atas nama Anda untuk kepentingan Kami mana-mana indemniti atau kerugian atau sebaliknya dan Kami mempunyai budi bicara mutlak dalam pengendalian sebarang prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan, dan Anda hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan yang berkenaan seperti mana yang Kami perlukan.

6. Fasal Timbang Tara

Semua pertelingkahan yang timbul daripada polisi ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh Anda dan Kami. Sekiranya Anda dan Kami tidak dapat bersetuju dalam menentukan siapakah Penimbang Tara dalam masa satu (1) bulan yang diperlukan untuk berbuat demikian secara bertulis, maka Anda dan Kami layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing yang akan mendengar pertelingkahan ini bersama-sama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Walau bagaimanapun disyaratkan bahawa mana-mana penafian tuntutan liabiliti oleh Kami bagi sebarang tuntutan mestilah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian tuntutan Kami kepada Anda.

7. Hal Lain

Polisi ini hanya akan berkuat kuasa sekiranya:

- (a) Sesiapa yang menuntut perlindungan telah mematuhi semua Terma, Syarat, Pengendorsan, Fasal atau Waranti.
- (b) Anda telah mengambil semua langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda supaya dalam keadaan selamat dan layak dipandu di jalan raya.
- (c) Anda telah mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda daripada kerugian atau kerosakan.
- (d) Anda mesti membenarkan Kami memeriksa Kenderaan Anda pada bila-bila masa yang wajar.

7 Definisi

1. Kami merujuk kepada Syarikat Insurans.
2. Anda merujuk kepada Pemegang Polisi dan/atau Pihak Diinsuranskan.
3. Kenderaan Anda merujuk kepada Kenderaan itu, aksesori standard pemasangan di kilang dan apa-apa aksesori tambahan lain seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.
4. Aksesori merujuk kepada alat standard kenderaan bermotor, termasuk penyaman udara dan tayar ganti, dan boleh termasuk radio / pemain kaset / pemain cakera padat dan seumpamanya jika tercatat di dalam Jadual.
5. Bengkel merujuk kepada bengkel membaiki kenderaan di bawah Skim Bengkel Pembaikan yang diluluskan oleh PIAM.
6. Ahli keluarga Anda merujuk kepada semua ahli keluarga Anda yang terdekat (yakni suami/isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah, ibu bapa, dan adik-beradik).
7. Penipuan seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Keseksaan adalah seperti yang berikut:

Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:

- (a) dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta; atau

(b) dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang mana orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang,

adalah dikatakan "menipu".

8. Pecah amanah jenayah seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau beresama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "pecah amanah jenayah".

9. Takrif perbuatan ganas bermakna sesuatu perbuatan termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan oleh mana-mana orang atau kumpulan, sama ada secara persendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited kerana politik, agama, ideologi atau tujuan-tujuan seperti yang termasuk bermaksud untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau mana-mana pihak awam berada dalam ketakutan.

8

Endorsmen

Endorsmen, waranti atau perluasan yang berikutnya adalah tidak berkaitan melainkan dinyatakan di dalam Jadual Polisi, di dalam kes dimana endorsmen, waranti atau perluasan dinyatakan adalah menjadi sebahagian daripada Polisi ini.

Endorsmen 1: Lebihan Semua Tuntutan

Anda bertanggungjawab bagi amaun yang pertama sepertimana dinyatakan di dalam Jadual bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan yang kena bayar (termasuk kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kami dalam mengendalikan, membela dan menyelesaikan sebarang tuntutan) di bawah *Seksyen A / **Seksyen A 1(e) & 1(f) Polisi ini sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang boleh diterima pakai. Jika perbelanjaan ditanggung oleh Kami itu termasuk amaun yang adalah tanggungjawab Anda, amaun sedemikian hendaklah dibayar balik kepada Kami.

Nota: *Untuk Polisi Komprehensif

**Untuk Polisi Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

N.B.: Amaun Lebihan yang dinyatakan disini hendaklah diterima pakai sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang mungkin boleh diterima pakai bagi Polisi ini.

Endorsmen 3(p): Pihak Ketiga Sahaja

Perlindungan dalam Polisi ini dihadkan kepada Pihak Ketiga sahaja yakni

Seksyen B (Liabiliti terhadap Pihak Ketiga).

Seksyen A (Kerugian atau Kerosakan pada Kenderaan Anda) dibatalkan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 3(q): Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian

Perlindungan dalam Polisi ini dihadkan kepada Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian sahaja. Seksyen A (Kerugian atau Kerosakan pada Kenderaan Anda) Polisi ini akan melindungi Anda jika kenderaan Anda rosak atau hilang disebabkan oleh kebakaran, letupan, kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian dan Seksyen B (Liabiliti terhadap Pihak Ketiga). Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 15: Sewa Beli

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa Syarikat Sewa Beli sepertimana tercatat di dalam Jadual (selepas ini dirujuk sebagai Pemilik) adalah Pemilik Kenderaan Anda di bawah satu Perjanjian Sewa Beli yang dibuat antara Pemilik dan Anda. Apa-apa bayaran untuk kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah Seksyen A Polisi ini akan dibayar kepada Pemilik selagi mereka masih menjadi Pemilik Kenderaan Anda. Penerimaan bayaran tersebut oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada Kami atas kerugian atau kerosakan sedemikian. Polisi ini dikeluarkan kepada Anda sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemilik dan tidak sebagai suatu penyerahan hak oleh Anda kepada Pemilik akan hak, manfaat atau tuntutan Anda di bawah Polisi ini. Anda tidak boleh menyerahhak akan hak manfaat dan tuntutan Anda di bawah Polisi ini tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Kami.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen, waranti atau perluasan yang berikutnya adalah tidak berkaitan melainkan dinyatakan di dalam Jadual Polisi, di dalam kes dimana endorsmen, waranti atau perluasan dinyatakan adalah menjadi sebahagian daripada Polisi ini.

Endorsmen 15(a): Pinjaman Majikan

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa Majikan Anda sepertimana tercatat di dalam Jadual mempunyai kepentingan atas wang yang kena dibayar kepada Anda melalui Polisi ini berhubung dengan kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) dan wang sedemikian hendaklah dibayar kepada Majikan Anda sepertimana tercatat di dalam Jadual sehingga notis diberikan kepada Kami bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan ke atas Kenderaan Anda, dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad akan liabiliti Kami berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.

Melainkan melalui pengendorsan ini tidak ada apa dalam ini yang akan mengubah atau menjejaskan hak dan liabiliti Kami/Anda di bawah Polisi ini.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 19: Risiko Penumpang (Tidak Diguna Pakai kepada Polisi 'Akta')

Kami bersetuju bahawa Pengecualian (c) Seksyen B Polisi ini dibatalkan.

*Dengan syarat sekiranya kemalangan berlaku ketika Kenderaan Bermotor membawa lebih daripada **orang (selain daripada atendan/konduktor jika ada dan pemandu) Anda hendaklah membayar semula kepada Kami perkadaran setimpal daripada amaun keseluruhan berbayar oleh Kami. Dengan syarat bahawa dalam menjumlahkan bilangan orang yang berkenaan bagi tujuan proviso sebelumnya, pelarasan hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor. Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: *Abaikan proviso ini dalam kes Kenderaan jenis Khas

**Bilangan yang perlu diisi dalam kes Kereta Untuk Sewa adalah mengikut bilangan yang dibenarkan oleh Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam untuk Kenderaan Bermotor tersebut dan di dalam kes-kes kenderaan lain, bilangan adalah mengikut bilangan yang mana premium telah dibayar dan ianya merupakan jumlah keseluruhan bilangan tempat duduk penumpang termasuk bilangan lebih penumpang yang dibawa dengan kebenaran Pihak Berkuasa.

Endorsmen 19(i): Risiko Penumpang – Pekerja Pihak Diinsuranskan – Kenderaan Pengangkut Barangan Sahaja – Tidak Diguna Pakai kepada Polisi "Akta"

Kami akan bayar amaun yang Anda layak mengikut undang-undang (selain daripada liabiliti dibawah mana-mana perundangan Pampasan Pekerja) seperti kerosakan dan kos dan perbelanjaan pihak menuntut sekiranya kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana pekerja Anda yang dibawa atau ketika atau memasuki atau menaiki atau turun tetapi tidak memandu Kenderaan Bermotor.

**Dengan syarat bahawa sekiranya kemalangan berlaku ketika Kenderaan Bermotor membawa lebih daripada * _____ Pekerja Anda (sebagai tambahan kepada pemandu) Kami hendaklah tidak dipertanggungjawabkan lebih daripada perkadaran setimpal daripada amaun keseluruhan berbayar kerana Pengendorsan ini yang merujuk kepada kemalangan sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: *Masukkan bilangan pekerja yang mana premium tambahan telah dibayar

**Abaikan proviso ini dalam kes yang mana premium tambahan dibayar adalah untuk bilangan pekerja Pihak Diinsuranskan yang tidak terhad.

Endorsmen 30: Penggantian Alat Ganti

Sekiranya alat ganti atau aksesori bagi membaiki Kenderaan Anda tidak terdapat di Malaysia, atau jika Kami menjalankan opsyen Kami untuk membayar secara tunai bagi kerugian atau kerosakan, maka liabiliti Kami bagi alat ganti / aksesori sedemikian hendaklah

- (a) harga yang disebut di dalam katalog terkini atau senarai harga yang dikeluarkan oleh pembuat atau ejen mereka, atau sekiranya tidak wujud katalog yang sedemikian, harga di tempat kerja pembuat termasuk kos pengangkutan yang munasabah (kecuali fret udara); dan
- (b) kos yang munasabah bagi memasang alat ganti / aksesori sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 38: Kren Bergerak

Kami bersetuju bahawa berkaitan dengan Kenderaan Bermotor sepertimana dinyatakan di dalam Jadual Polisi Kami tidak akan bertanggungjawab:

- (a) Di bawah Seksyen A Polisi ini ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh terbalik yang timbul daripada operasinya sebagai kelengkapan kenderaan atau dari jentera yang menjadi sebahagian daripada kenderaan tersebut atau yang dipasang dengannya kecuali untuk kehilangan atau kerosakan yang timbul secara langsung daripada kebakaran, letupan luaran secara sendirinya atau kilat atau rompak, pecah rumah atau kecurian.

Endorsmen, waranti atau perluasan yang berikutnya adalah tidak berkaitan melainkan dinyatakan di dalam Jadual Polisi, di dalam kes dimana endorsmen, waranti atau perluasan dinyatakan adalah menjadi sebahagian daripada Polisi ini.

(b) Di bawah Seksyen B Polisi ini kecuali ianya diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan yang mana liabiliti dikenakan ke atas Anda yang timbul daripada operasinya sebagai alatan kenderaan tersebut atau jentera yang menjadi sebahagian daripada kenderaan atau yang dipasang dengannya.

N.B.1 Gugurkan perenggan (a) untuk:

(i) Polisi Pihak Ketiga

(ii) Polisi Komprehensif yang mana premium tambahan telah dibayar untuk memasukkan kerosakan yang disebabkan terbalik.

N.B.2 Dimana pengurangan premium adalah dibenarkan untuk pengecualian kerosakan yang mana ia digunakan sebagai alatan perniagaan, gugurkan perenggan (a) perkataan "yang disebabkan oleh terbalik" dan "kecuali untuk kehilangan atau kecurian".

N.B.3 Dimana tambahan premium telah pun dibayar untuk kemasukan Risiko Pihak Ketiga semasa ia digunakan sebagai alatan perniagaan, gugurkan perenggan (b) untuk Polisi Komprehensif dan untuk Polisi Pihak Ketiga gugurkan Pengendorsan keseluruhannya.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 38a: Perluasan Perlindungan Kerosakan Tidak Sengaja kepada Bum

Sebagai balasan pembayaran premium tambahan oleh Anda kepada Kami, yang berikut dianggap dilindungi di bawah Seksyen A Polisi ini: "Kerosakan yang Tidak Sengaja dan Tidak Dijangka kepada Bum Kren tersebut semasa di dalam penggunaannya sebagai sebahagian alatan perniagaan."

Kami TIDAK akan membayar kerosakan kepada Bum:

(a) disebabkan oleh kerosakan mekanikal

(b) disebabkan oleh haus dan lusuh

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 39: Pengecualian Risiko Kerja Pihak Ketiga

Kami bersetuju bahawa di bawah Seksyen B Polisi ini, Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ditanggung oleh Anda yang timbul daripada pengendalian alat Kenderaan Bermotor tersebut atau sebarang jentera yang menjadi sebahagian daripada Kenderaan Bermotor tersebut atau dipasang kepadanya kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak Perundangan. Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 41: Jentera Bergerak – Pemasukan Risiko Kerja Pihak Ketiga di mana Peralatan untuk Mengendali Sesuatu Pekerjaan Digunakan untuk Kerja yang Dilaksanakan di dalam atau di atas Kenderaan Bermotor atau Treler Sahaja

Kami bersetuju bahawa Kami tidak akan bertanggungjawab di bawah Seksyen B Polisi ini kecuali jika perlu untuk memenuhi keperluan Perundangan terhadap liabiliti yang timbul daripada:

(a) letupan sebarang bencana akibat tekanan yang menjadi sebahagian daripada jentera yang dipasang atau yang menjadi sebahagian daripada Kenderaan Bermotor tersebut.

(b) operasi selain daripada dalam atau atas jentera yang menjadi sebahagian daripada Kenderaan Bermotor tersebut.

Endorsmen 42: Jentera Bergerak – Pemasukan Risiko Kerja Pihak Ketiga

Kami bersetuju bahawa Kami tidak akan bertanggungjawab di bawah Seksyen B Polisi ini kecuali jika perlu untuk memenuhi keperluan Perundangan terhadap:

(a) kematian, kecederaan atau kerosakan akibat daripada

(i) penenggelaman tanah, banjir atau pencemaran air

(ii) kerosakan kepada paip atau kabel

yang timbul daripada operasi sebagai peralatan Kenderaan Bermotor atau sebarang jentera yang menjadi sebahagian daripadanya atau dipasang kepadanya.

(b) kerosakan kepada harta benda akibat daripada pembuatan, pembinaan, pengubahan, pembaikan atau pemulihan harta benda tersebut oleh Anda.

(c) kematian, kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh atau melalui harta benda di mana Anda telah menjalankan proses pembuatan, pembinaan, pengubahan, pembaikan atau pemulihan.

(d) liabiliti yang ditanggung oleh Anda timbul daripada letupan sebarang bejana akibat tekanan yang menjadi sebahagian daripada jentera yang dipasang atau yang menjadi sebahagian daripada Kenderaan Bermotor.

Endorsmen 57: Memasukkan Peril Khas

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, Seksyen A Polisi ini melindungi Anda daripada peril berikut: Banjir, Taufan, Hurikan, Ribut, Ribut Kencang, Letusan Gunung Berapi, Gempa Bumi, Tanah Runtuh, Gelinciran Tanah, Penurunan atau Penenggelaman Tanah ataupun Konvulsi semulajadi lain.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen, waranti atau perluasan yang berikutnya adalah tidak berkaitan melainkan dinyatakan di dalam Jadual Polisi, di dalam kes dimana endorsmen, waranti atau perluasan dinyatakan adalah menjadi sebahagian daripada Polisi ini.

Endorsmen 89: Pemecahan Kaca Cermin Depan/belakang, Tingkap atau Tingkap Bumbung (Berkuatkuasa 13/03/2007)

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, Kami akan membayar kos mengganti atau membaiki kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung termasuk filem salutan/mewarna, jika ada, Kenderaan Anda akibat pecahnya kaca tersebut sehingga suatu amaun tidak melebihi (sepertimana tercatat dalam Jadual).

Dengan syarat tiada tuntutan dibuat untuk kerosakan selanjutnya terhadap Kenderaan Anda, mana-mana tuntutan yang dibuat di bawah pengendorsan ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan dan Anda tidak bertanggung ke atas mana-mana Lebihan yang dinyatakan dalam Polisi.

Apabila tuntutan penggantian kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung diselesaikan manfaat ini hendaklah secara automatik ditamatkan kecuali perlindungan dikembalikan semula dengan suatu bayaran premium tambahan lanjutan.

Anda bagaimanapun sentiasa tertakluk kepada persetujuan Kami sama ada diperolehi sebelum atau selepas pembaikan, mempunyai pilihan untuk membaiki kerosakan kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung pada Kenderaan Anda. Sekiranya Anda memilih untuk membaiki, Kami akan terus menyediakan manfaat ini kepada Anda semasa tempoh perlindungan ini bagi amaun seperti yang tercatat di atas:

- (a) Selepas ditolak apa-apa tuntutan yang dibayar oleh Kami bagi tujuan membaiki; atau
- (b) Bagi jumlah asal dengan syarat Anda telah membayar kepada Kami suatu premium tambahan lanjutan bagi mengembalikan jumlah asal perlindungan seperti dinyatakan di atas.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya ada pertikaian terhadap pilihan pembaikan atau penggantian, keputusan Kami adalah muktamad.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 91: Pengecualian Penghantaran melalui Laluan Air Pedalaman

Kami bersetuju bahawa perkataan "laluan air pedalaman" adalah dipotong dari sub-seksyen 1(h)(i) pada Seksyen A Polisi ini.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 95: Pengendorsan Pajakan

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa:

1. Syarikat Pajakan seperti dinyatakan di dalam Jadual (selepas ini dirujuk sebagai Pemberi Pajak) adalah pemilik Kenderaan Anda yang merupakan perkara kepada suatu Perjanjian Pajakan yang dibuat antara Pemberi Pajak dan Anda Sendiri di suatu pihak yang lain.
2. Mana-mana bayaran yang dibuat berhubung dengan kerugian atau kerosakan (yang kerugian atau kerosakan itu tidak dipulihkan dengan cara pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) mengikut mana-mana liabiliti undang-undang di pihak Kami kepada Anda di bawah Seksyen A Polisi ini hendaklah dibuat kepada Pemberi Pajak selagi mereka merupakan pemilik Kenderaan Anda dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada Kami berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.
3. Tanpa mengira mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian pajakan tersebut Polisi ini adalah dikeluarkan kepada Anda sebagai pihak utama dan bukannya sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak. Anda tidak boleh menyerahhak kepada Pemberi Pajak (sama ada menurut undang-undang atau ekuiti) hak manfaat dan tuntutan Anda di bawah Polisi ini.
4. Tidak ada yang dinyatakan di dalam ini yang boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan atau meletakkan sebarang hak ke atas Pemilik/Pemberi Pajak untuk mendakwa Kami atas apa sifat jua pun bagi kemungkiran obligasi-obligasi Kami.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsemen 97a: Peralatan Penukaran Gas dan Tangki (Berkuatkuasa 21/10/2008)

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, peralatan penukaran gas dan tangki ini adalah diinsuranskan secara berasingan di bawah Seksyen A:

Nilai Anggaran Anda
Seperti dinyatakan di dalam Jadual

Mana-mana tuntutan yang dibuat di bawah pengendorsan ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda dan Anda tidak bertanggung ke atas mana-mana Lebihan yang dinyatakan sebagaimana yang ditentukan dalam Polisi.

Apabila mana-mana tuntutan di bawah pengendorsan ini diselesaikan, manfaat ini hendaklah secara automatik ditamatkan kecuali dikembalikan semula dengan bayaran suatu premium tambahan lanjutan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen, waranti atau perluasan yang berikutnya adalah tidak berkaitan melainkan dinyatakan di dalam Jadual Polisi, di dalam kes dimana endorsmen, waranti atau perluasan dinyatakan adalah menjadi sebahagian daripada Polisi ini.

Endorsmen 101: Perluasan Perlindungan ke Negara Thailand (Tidak Termasuk Liabiliti Kecederaan Anggota Pihak Ketiga)

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, kawasan geografi Polisi ini diperluaskan meliputi Negara Thailand berkuat kuasa dari 12.00 tengah malam / tengah hari pada _____ sehingga tengah malam (Waktu Malaysia) pada _____ tertakluk kepada had liabiliti sebanyak RM100,000 di bawah Seksyen B1(b).

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

N.B. 1 Perluasan perlindungan tidak termasuk liabiliti dari segi undang-undang kepada Pihak Ketiga bagi Kecederaan anggota seperti yang ditetapkan dibawah The Protection For Motor Vehicle Accident Victims Act (1992) Thailand.

N.B. 2 Perluasan ini diguna pakai kepada kenderaan perdagangan, kereta penumpang dan motosikal sahaja.

N.B. 3 Kadar tambahan yang akan dikenakan adalah seperti berikut:

- (i) Polisi Kereta Persendirian (Setahun)
Perlindungan Komprehensif – 20% daripada Premium Tahunan
Bersih Perlindungan Pihak Ketiga – 50% daripada Premium Tahunan
Bersih (Premium Minima: RM20)
- (ii) Polisi Kenderaan Perdagangan (Setahun)
Perlindungan Komprehensif – 20% daripada Premium Tahunan
Bersih Perlindungan Pihak Ketiga – 30% daripada Premium Tahunan
Bersih (Premium Minima: RM20)
- (iii) Polisi Motosikal (Setahun)
Perlindungan Komprehensif – 15% daripada Premium Tahunan
Bersih Perlindungan Pihak Ketiga – 15% daripada Premium Tahunan
Bersih (Premium Minima: RM15)

Bagi perluasan yang kurang daripada satu (1) tahun, kadar tempoh pendek akan diguna pakai tetapi tertakluk kepada premium minima yang dinyatakan di atas.

N.B. 4 Had tanggungan sebanyak RM100,000 akan hanya diguna pakai kepada tuntutan Kerosakan Harta Pihak Ketiga. Bagi tuntutan Kerosakan Sendiri, had liabiliti bagi penanggung insurans adalah mengikut Jumlah Yang Diinsuranskan bagi Polisi tersebut.

Endorsmen 106: Bengkel yang Dibenarkan oleh Penanggung Insurans

Syarat 2(h) pada Polisi ini adalah dipinda seperti berikut:

“Sekiranya kenderaan Anda terlibat dalam kemalangan dan menyebabkan tuntutan, kenderaan Anda mestilah dihantar ke bengkel Skim Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan oleh PIAM (SBPP) yang dipilih dan diluluskan oleh Kami untuk pembaikan. Kegagalan untuk mengalih Kenderaan Anda ke bengkel yang diluluskan adalah pelanggaran pengendorsan ini dan Kami mempunyai hak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A Polisi ini.” Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 109: Peluasan Perlindungan Transit Feri antara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Kami akan melindungi Anda di bawah Seksyen A Polisi ini, jika Kenderaan Anda rosak atau hilang semasa dalam transit antara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sekiranya berlaku sebarang tuntutan di bawah peluasan ini, Anda bertanggungjawab bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan Lebihan sebanyak 1% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM500 (yang mana lebih tinggi) sebagai tambahan kepada Lebihan yang dinyatakan di dalam Jadual.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 110: Perluasan Perlindungan Persiaran (Excursion Cover) (Diguna Pakai untuk Bas Sekolah, Bas Persendirian dan Bas Kilang Sahaja) – Untuk Diguna Pakai bila Tempoh Perlindungan Persiaran Diambil pada Masa-masa Tertentu

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kenderaan untuk tujuan persiaran (excursion) / perjalanan bagi tempoh sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 110(a): Perluasan Perlindungan Persiaran (Excursion Cover) (Diguna Pakai untuk Bas Sekolah Sahaja) Diguna Pakai bila Tempoh yang Diberi untuk Persiaran (Excursion) Sama Seperti Polisi Asas

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kenderaan untuk tujuan persiaran (excursion) dalam tempoh insurans Polisi ini tertakluk kepada persiaran itu:

Endorsmen, waranti atau perluasan yang berikutnya adalah tidak berkaitan melainkan dinyatakan di dalam Jadual Polisi, di dalam kes dimana endorsmen, waranti atau perluasan dinyatakan adalah menjadi sebahagian daripada Polisi ini.

- (a) dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dengan Lesen Perubahan Sementara untuk pertukaran sementara penggunaan bas kepada persiaran (excursion) yang dikeluarkan kepada pihak diinsuranskan, dan
- (b) terhad kepada cuti sekolah yang diluluskan oleh kerajaan atau pihak berkuasa sekolah dan cuti umum yang diwartakan, Sabtu dan Ahad sahaja (tiada perlindungan diberi semasa hari-hari persekolahan).
- (c) jika sebaliknya, semasa hari-hari persekolahan, lawatan sambil belajar/rombongan hanya dibenarkan untuk kanak-kanak sekolah sahaja dengan kebenaran diperolehi daripada Kementerian Pendidikan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Endorsmen 112: Pampasan untuk Masa Pembaikan Taksiran (Cart) (Berkuat kuasa 15/04/2009)

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, Kami akan membayar pampasan pada kadar (sepertimana tercatat di dalam Jadual) sehari sehingga (sepertimana tercatat di dalam Jadual) hari atau bilangan hari taksiran yang diperlukan untuk pembaikan sesuatu Kenderaan Bermotor yang mana kurang berikutan kerugian, kerosakan yang dilindungi di bawah Seksyen A Polisi ini. Pengendorsan ini tidak tertakluk kepada apa-apa Lebihan. Pampasan ini tidak akan dibayar jika kerugian dan kerosakan hanya melibatkan pecahnya mana-mana kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung Kenderaan Anda.

Dengan syarat:

- (a) manfaat ini hendaklah dibayar berdasarkan taksiran penyelaras kerugian bagi masa sebenar yang diperlukan untuk pembaikan tetapi tidak termasuk sebarang kelewatan yang disebabkan dalam apa pun keadaan sama ada tuntutan untuk kerugian atau kerosakan kepada Kenderaan Anda dilindungi di bawah Seksyen A dituntut daripada Kami atau terhadap Pihak Ketiga. Dalam apa-apa pertikaian, masa pembaikan taksiran yang ditentukan oleh Kami adalah muktamad.
- (b) manfaat ini hendaklah dibayar untuk kerugian separa (tidak termasuk kecurian atau kerugian menyeluruh) kenderaan yang diinsuranskan Anda boleh membuat lebih daripada satu tuntutan di bawah Polisi pengendorsan ini dengan syarat jumlah keseluruhan bilangan hari dalam himpunan yang boleh Anda tuntutan adalah tidak melebihi perlindungan yang dibayar.

Mana-mana tuntutan yang dibuat dibawah pengendorsan ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan dan Anda tidak bertanggung ke atas mana-mana lebihan yang dinyatakan dalam Polisi.

Tiada bayaran balik premium akan dibenarkan atas pembatalan pengendorsan ini kecuali pembatalan tersebut dilaksanakan bersama pembatalan polisi.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: Tuntutan di bawah manfaat ini hendaklah tidak menjejaskan hak Pihak Diinsuranskan untuk membuat tuntutan daripada penanggung insurans pihak ketiga. Walau bagaimanapun, tuntutan pihak ketiga oleh Pihak Diinsuranskan adalah tertakluk kepada prinsip indemniti dan apa-apa jumlah dibayar di bawah manfaat ini akan ditolak dalam tuntutan pihak ketiga tersebut.

Waranti No.1 – Waranti ke atas Lebihan Muatan Kenderaan (Diterima Pakai ke atas Semua Kenderaan Perdagangan Termasuk Bas dan Van Persendirian)

Adalah diwarantikan bahawa Kami tidak akan bertanggungjawab di bawah Seksyen A Polisi ini sekiranya pada masa berlaku kemalangan yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini, Kenderaan Anda membawa muatan yang berlebihan daripada berat yang dibenarkan dan/atau bilangan penumpang yang dinyatakan di dalam buku pendaftaran Kenderaan Anda. Dengan syarat waranti ini tidak diterima pakai kecuali muatan yang berlebihan melebihi 10% daripada berat yang dibenarkan (untuk kenderaan membawa barang).

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: Untuk tujuan pengiraan bilangan orang di mana kanak-kanak dibawa, pelarasan yang sewajarnya hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor.

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika Polisi/perindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Bagi mengelakkan kekeliruan, versi Polisi Bahasa Inggeris ini akan mengatasi versi Polisi Bahasa Malaysia (Melayu) pada setiap masa.
3. Pihak Diinsuranskan yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Syarikat boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

a) Unit Pengendalian Aduan

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell
No. 211, Jalan Tun Sambanthan
50470 Kuala Lumpur
PO Box 11228, GPO Kuala Lumpur
50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 1-300-80-3030
Emel : customer@amassurance.com.my

b) Ombudsman for Financial Services (OFS)

Level 14, Main Block
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577

c) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Tingkat Bawah, Blok C
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1300 88 5465
Faks : +603-2174 1515